Promosi Pindaan Dana Tiada Kos UOBM
Terma dan Syarat

1. United Overseas Bank (Malaysia) Bhd (271809-K) ("UOBM") sedang melancarkan "Promosi Pindaan Dana Tiada Kos" ("Promosi") dari 1 Januari 2018 hingga 31 Disember 2018 (kedua – dua tarikh termasuk) atau tarikh lain yang ditentukan oleh UOBM dengan budi bicara mutlak dari semasa ke semasa ("Tempoh Kempen") kecuali diberitahu sebaliknya.

2. Promosi ini terbuka kepada semua pelanggan individu UOBM yang baru dan sedia ada di mana individu yang tinggal di Malaysia, termasuk warga Malaysia, pemastautin tetap atau bukan warga Malaysia, yang berumur 18 tahun dan ke atas ("Pelanggan Yang Layak").

Mekanisme Promosi

3. Semasa Tempoh Promosi, tiada bayaran perkhidmatan akan dikenakan kepada Pelanggan yang Layak untuk semua transaksi pindahan dana IBG dan/atau Instant Transfer ("Pindahan Dana") yang dilaksanakan melalui UOBM Perbankan Internet Peribadi ("PIB"), UOBM Mighty App ("Mighty") dan UOBM Mesin Teler Automatik ("ATM") menggunakan kad debit UOB sahaja. Pengecualian yuran perkhidmatan akan dirujuk sebagai "Bayaran Pengecualian".

4. Bayaran Pengecualian adalah **TIDAK** termasuk transaksi Pindahan Dana yang dilaksanakan oleh Pelangan Yang Layak di kaunter di mana-mana cawangan UOBM.

5. Sila rujuk jadual di bawah untuk perbandingan antara kadar semasa dan Promosi untuk bayaran perkhidmatanyang dikenakan bagi Pindahan Dana IBG dan Instant Transfer melalui UOBM PIB, Mighty dan ATM:

Saluran Pindahan Dana	Bayaran Perkhidmatan untuk setiap pindahan dana IBG	Bayaran Perkhidmatan untuk setiap pindahan dana Instant Transfer	Bayaran Pengecualian untuk setiap pindahan dana IBG dan Instant Transfer semasa Tempoh Promosi.
UOBM PIB	RM 0.10	RM 0.50	RM 0.00
UOBM Mighty	RM 0.10	RM 0.50	RM 0.00
UOBM ATM (kad debit UOB sahaja)	RM 0.10	RM 0.50	RM 0.00

6. Pengecualian Bayaran juga akan dikenakan untuk sebarang transaksi Pindahan Dana yang dilaksanakan semasa Tempoh Kempen menurut arahan tetap yang diberikan oleh Pelanggan yang Layak kepada UOBM melalui PIB dan Mighty.

7. Perkhidmatan Pindahan Dana adalah terhad kepada bank-bank yang mengambil bahagian yang dinyatakan dalam http://www1.uob.com.my/personal/eservices/pib/pib.page

Terma dan Syarat Generik

8. Akaun Pelanggan yang Layak (i) MESTI tidak melanggar terma dan syarat yang mengawal akaun tersebut DAN (ii) MESTI tidak ditamatkan atau ditutup atau tertakluk kepada mana-mana lampiran, perintah buruk yang dibuat oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang dibenarkan oleh undang-undang, tertunggak, dan / atau tidak sah atau dibatalkan seperti yang ditentukan oleh UOBM semasa Tempoh Promosi, jika tidak Pelanggan yang Layak akan hilang kelayakan daripada menyertai Promosi ini.

9. Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan yang Layak dianggap telah membaca, memahami dan besetuju untuk terikat dengan terma dan syarat yang dinyatakan di sini, terma dan syarat yang

mentadbir Perbankan Internet Peribadi dan Perkhidmatan Mudah Ahli UOB, dan dalam terma dan syarat dalam Perjanjian Ahli Kad dan Terma dan Syarat UOB Debit MasterCard ("Generik T&S"). Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara terma dan syarat ini dan Generik T&S yang berkaitan dengan Promosi ini, terma dan syarat ini akan diguna pakai.

10. UOBM tidak bertanggungjawap kepada mana-mana salah tafsir atau salah nyata data oleh pihak tiga yang tidak dibenarhan berkenaan dengan Promosi ini dan/atau Bayaran Pengecualian yang ditawarkan dan diterbitkan di mana-mana media masa, pemasaran atau bahan iklan.

11. UOBM tidak bertanggungjawab kepada mana-mana Pelanggan yang Layak atau mana-mana pihak untuk sebarang kerugian atau kerosakan apa-apa sifat yang dialami oleh Pelanggan yang Layak atau mana-mana pihak (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau muhibah, kecederaan, kematian, langsung atau tidak langsung, sampingan yang bersampingan, berbangkit, teladan, punitif atau ganti rugi khas mana-mana pihak) walau apa pun timbul, berhubung dengan penyertaan atau bukan penyertaan dalam Promosi ini kecuali yang disebabkan secara langsung oleh kegagalan atau kehendak UOBM.

12. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, UOBM dengan nyata mengecualikan dan menafikan sebarang perwakilan, waranti atau pengendorsan, tersurat atau tersirat, bertulis atau lisan, tanpa had kepada mereka diterbitkan dalam mana-mana media, bahan pemasaran atau pengiklanan berkenaan dengan Promosi Promosi dan/atau Bayaran Pengecualian ini.

13. Sekiranya berlaku apa-apa percanggahan antara terma dan syarat ini dengan sebarang pengiklanan, kempen, publisiti dan bahan-bahan lain yang berhubungan dengan atau berkaitan dengan Promosi ini, terma dan syarat ini akan diguna pakai.

14. UOBM berhak untuk menambah, memadam, menggantung atau mengubah terma dan syarat ini dari semasa ke semasa, secara keseluruhan atau sebahagian, mengikut budi bicara mutlaknya, dengan memberi dua puluh satu (21) hari kalendar notis terlebih dahulu kepada Pelanggan yang Layak melalui paparan di laman web UOBM, memaparkan notis di mana-mana cawangan UOBM, memasukkan pernyataan dalam Penyata Akaun atau atau apa-apa cara lain sebagaimana yang ditentukan oleh UOBM dari semasa ke semasa.

15. UOBM berhak mengikut budi bicara mutlaknya untuk membatal, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Promosi dengan memberi notis terdahulu. Untuk mengelakan keraguan, sebarang pembatalan, penamatan atau penggantungan oleh UOBM tidak memberi hak kepada Pelanggan yang Layak untuk membuat sebarang tuntutan atau pampasan terhadap UOBM untuk sebarang dan semua kerugian atau kerosakkan yang ditanggung oleh Pelanggan yang Layak sama ada sebagai akibat langsung atau tidak langsung dari pembatalan, penggantungan atau penamatan tersebut.

16. Dengan menyertai Promosi, Pelanggan yang Layak bersetuju bahawa UOBM tidak akan ditanggungjawabkan walau dengan apa-apa cara atau bertanggungjawab kepada Pelanggan yang Layak jika UOBM tidak dapat melaksanakan secara keseluruhan atau sebahagian daripada mana-mana obligasi di sini, secara langsung atau tidak langsung disebabkan kegagalan mana-mana peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemprosesan data, talian penghantaran, kegagalan elektrik, pertikaian industri, peperangan, mogok, rusuhan, apa-apa perbuatan Tuhan di luar kawalan UOBM atau disebabkan oleh apa-apa faktor dalam sifat *force majeure* yang berada di luar kawalan munasabah UOBM.

17. UOBM tidak menjamin bahawa Promosi ini tidak akan terganggu dan / atau bebas kesilapan. Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan yang Layak dengan ini mengakui dan tidak boleh batal bersetuju bahawa UOBM tidak akan ditanggungjawabkan terhadap apa-apa kegagalan teknikal

apa-apa jenis, campur tangan apa pun, gangguan dan / atau apa-apa kesilapan elektronik yang timbul daripada Promosi ini kecuali yang sama timbul dan disebabkan secara langsung oleh kelalaian UOBM atau lalai sengaja.

18. Terma dan syarat ini akan ditadbir oleh dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan Pelanggan yang Layak bersetuju untuk menyerahkan kepada bidang kuasa bukan-eksklusif mahkamah Malaysia.

TAMAT